

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SHAHARIZULKIRNAIN BIN ABD.  
KADIR [ SETIU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuka semula lesen bot nelayan yang telah ditutup sebelum ini dan adakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membolehkan nelayan memperolehi pendapatan lain semasa musim tengkujuh.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

**(a) Membuka semula lesen bot nelayan yang telah ditutup**

1. Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah melaksanakan dasar pembekuan sementara ke atas semua permohonan baru lesen vesel zon A, B dan C sejak tahun 1982. Dasar pembekuan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan terutamanya di kawasan pesisiran pantai yang telah melebihi tahap optima.

2. Walau bagaimanapun, Kementerian bersedia untuk membuka semula permohonan lesen baharu zon A bagi satu tempoh yang akan ditentukan dan pada masa yang sama akan mengadakan proses pemutihan yang berterusan bagi memastikan hanya nelayan tulen yang berada di dalam sektor perikanan negara.

3. Kuota lesen ini juga akan mengambil kira keupayaan daya tampungan sesebuah kawasan dan status sumber perikanan sedia ada demi menjamin sekuriti bekalan makanan di dalam negara.

**(b) Langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membolehkan nelayan memperolehi pendapatan lain semasa musim tengkujuh**

4. Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) masih meneruskan bantuan walaupun pada musim tengkujuh seperti pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI) dan penyaluran minyak diesel bersubsidi kepada nelayan tulen mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

5. Semasa musim tengkujuh, nelayan digalakkan mencari alternatif lain untuk meningkatkan sumber pendapatan melalui aktiviti ternakan akuakultur. Nelayan boleh memohon bantuan Program Pembangunan Akuakultur yang diberikan dalam bentuk *in-kind* seperti peralatan ternakan, makanan ternakan serta pembekalan benih ternakan. Nelayan daripada kumpulan B40 juga turut diberikan peluang untuk terlibat di dalam Projek Tanaman Kontan di mana setiap peserta yang terpilih akan diberikan bantuan input pertanian bernilai RM1,000.00.

6. Nelayan juga digalakkan untuk menceburkan diri dalam industri hiliran seperti pemprosesan hasil/produk berdasarkan ikan. Menerusi Program *Change Upgrade Product (CUP)*, bantuan peruntukan disalurkan dalam bentuk Geran Pemadanan iaitu 70% pembiayaan kerajaan manakala 30% adalah pembiayaan usahawan manakala bagi *High Impact Project (HIP)*, bantuan peruntukan yang disalurkan di dalam bentuk Geran Pemadanan iaitu 50% pembiayaan kerajaan manakala 50% adalah pembiayaan usahawan. Geran pemandanan ini merupakan bantuan dari segi peralatan dan peningkatan premis pemprosesan supaya keluaran yang lebih berkualiti dapat dihasilkan dan diberikan berdasarkan nilai jualan tahunan yang telah dicapai oleh peserta yang terpilih.

Sekian, terima kasih.